



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia
Wisma Tani, Blok Podium 4g1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya
Malaysia
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
Email: pro@dvs.gov.my



LAPORAN TERKINI
SIASATAN BERKAITAN KES PERBUATAN MEMBUNUH KUCING BETINA DENGAN
MEMASUKKANNYA KE DALAM MESIN PENGERING DI KEDAI DOBI, TAMAN GOMBAK RIA,
GOMBAK, SELANGOR

1. Kertas siasatan telah dibuka oleh Pegawai Penyiasat DVS daripada Penguatkuasa, DVS.
2. Pegawai Penyiasat DVS telah merujuk Kertas Siasatan kepada Timbalan Pendakwa Negeri pada 14.9.2018 dan telah diarahkan supaya meneruskan siasatan lanjut dengan kerjasama pihak PDRM.
3. Dua (2) orang suspek telah berjaya dikesan dan ditangkap oleh pihak PDRM. Dengan kerjasama pihak IPD Gombak, Selangor, Pegawai Penyiasat DVS telah merakamkan percakapan suspek berkenaan pada 17.9.2018. Manakala seorang lagi suspek sedang dikesan oleh pihak PDRM.
4. Pegawai Penyiasat telah mendapat kerjasama daripada pihak Makmal Forensik Jabatan PERHILITAN, Cheras, Kuala Lumpur untuk mengesan DNA binatang/kucing yang terdapat pada barang kes. Laporan makmal dijangka akan diperolehi dalam tempoh terdekat.
5. Kes disiasat mengikut subseksyen 29(1)(e), Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit (RM20,000.00) dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) ATAU dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Disediakan oleh;

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
PUTRAJAYA

18 September 2018